

BAHAGIAN A:

Arahan: Jawab semua soalan berikut.

1. Apakah jenis iklim di Malaysia?
 - A. Iklim Savana
 - B. Iklim Khatulistiwa
 - C. Iklim Monsoon Tropika
 - D. Iklim Mediterranean
2. Pernyataan yang manakah betul tentang ciri iklim di Malaysia?
 - A. julat suhu tahunan kira-kira 4°C
 - B. hujan tahunan kira-kira 500 mm
 - C. suhu hampir sekata sepanjang tahun
 - D. hujan maksimum dalam bulan Disember
3. Angin Monsun Timur Laut bertiup
 - A. dari bulan Oktober hingga November
 - B. dari bulan Mei hingga September
 - C. dari bulan November hingga Mac
 - D. dari bulan April hingga Mei
4. Maklumat di bawah tentang kejadian

Udara bergerak dari daratan (tekanan tinggi) ke lautan (tekanan rendah)

- A. bayu laut
 - B. bayu darat
 - C. angin sumatera
 - D. angin Monsun Timur Laut
5. Apakah ciri suhu di Malaysia?
 - A. min suhu tahunan 27°C
 - B. julat suhu tahunan 18°C
 - C. julat suhu harian melebihi 10 °C
 - D. suhu rendah sepanjang tahun
6. _____ menerima hujan paling sedikit kerana terletak di kawasan lindungan hujan.
 - A. Long Akah
 - B. Bukit Larut
 - C. Kuala Pilah
 - D. Sandakan

7. Apakah yang benar tentang jenis hujan perolakan?
- berlaku di kawasan cerun bukit
 - permukaan bumi dipanaskan oleh pancaran matahari
 - hujan lebat turun pada lewat petang yang disertai kilat dan petir
 - udara lembap dari laut dipaksa naik ke cerun bukit kerana halangan tanah tinggi

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

8. Apakah jenis tanaman yang sesuai ditanam berdasarkan ciri iklim berikut?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">suhu : 27°Chujan : 2600 mm |
|---|

- teh
- bunga kekwa
- lada hitam
- kelapa sawit

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

9. Antara berikut, manakah tanaman yang sesuai ditanam berdasarkan faktor berikut?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">kawasan: tanah tinggisuhu: 18°C - 21°C |
|---|

- strawberi
- bunga ros
- rambutan
- padi sawah

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

10. Apakah faktor yang menggalakkan pelancong dari negara beriklim sejuk berkunjung ke Malaysia?

- suhu yang panas dan lembap sepanjang tahun
- tanah pamah yang rata dan subur
- suhu sederhana sejuk
- udara yang nyaman

11. Apakah fenomena yang dikaitkan dengan peningkatan suhu bumi?

- A. jerebu
- B. hujan asid
- C. pulau haba
- D. kesan rumah hijau

12. Apakah fenomena yang berkaitan maklumat berikut.

Suhu kawasan tepu bina di bandar lebih panas berbanding di kawasan sekitarnya

- A. jerebu
- B. pulau haba
- C. hujan asid
- D. kesan rumah hijau

13. Antara berikut, yang manakah kesan hujan asid terhadap alam sekitar?

- I. melunturkan cat
- II. kebakaran hutan
- III. panas melampau
- IV. kemusnahan tanaman

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

14. Apakah kejadian yang lazimnya dikaitkan dengan fenomena El-Nino

- A. kemarau
- B. banjir besar
- C. sejuk melampau
- D. sederhana panas

15. Kesan La-Nina akan menyebabkan kejadian seperti

- A. krisis air
- B. banjir besar
- C. jeebu
- D. kemarau berpanjangan